

Anak syarikat GFM Services menang dua kontrak penyelenggaraan di Kompleks Bersepadu Pengerang

Oleh BERNAMA - Julai 10, 2026 @ 4:52pm



Kompleks Bersepadu Pengerang (PIC)

KUALA LUMPUR: HIMS Integrated Services Sdn Bhd, anak syarikat tidak langsung GFM Services Bhd menerima dua kontrak bernilai RM148.2 juta bagi pakej kerja-kerja kontrak berasingan daripada Pengerang Petrochemical Company Sdn Bhd dan Pengerang Refining Company Sdn Bhd.

Penyedia perkhidmatan pengurusan bersepadu itu memaklumkan ini berkaitan dengan aktiviti penyelenggaraan berkala akan datang di Kompleks Bersepadu Pengerang (PIC) di Johor.

Kerja-kerja itu diperoleh di bawah kontrak sedia ada bagi perkhidmatan mekanikal utama dan penyelenggaraan berkala bersepadu serta penyelenggaraan mekanikal statik.

"Berikutan skop kerja meluas akan dilaksanakan dalam satu kompleks bersepadu, projek penyelenggaraan itu dijangka menjadi antara terbesar seumpamanya di Malaysia.

"Ini juga dijangka memberikan ketampakan hasil yang lebih kukuh kepada segmen tenaga GFM," kata Pengarah Urusan Kumpulan GFM, Ruslan Nordin dalam satu kenyataan hari ini.

Menurut GFM, kerja-kerja itu akan menjadi kitaran penyelenggaraan terbesar pertama di PIC sejak kompleks hiliran bersepadu mula beroperasi pada 2019.

Pakej kerja yang diperolehi itu dijangka melibatkan jumlah jam kerja yang panjang, sekali gus mencerminkan skala serta kerumitan aktiviti penyelenggaraan berkala berkenaan.

Pada masa sama, aktiviti itu juga dijangka menyumbang secara positif kepada pendapatan kumpulan bagi tahun kewangan berakhir yang berakhir pada 31 Disember 2027.

GFM juga menjangkakan akan memperoleh skop kerja tambahan apabila aktiviti penyelenggaraan terbabit diperluas dan sebarang pengumuman berkaitan akan dimaklumkan kemudian.

-BERNAMA